

# NAHDAH

BERITA WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA



# TEMU BUAL PRESIDEN WADAH DI SLOT GARIS KRISIS THE MERDEKA TIMES



3 MEI 2025 - Dalam temu bual eksklusif bersama hos, Lila Ruzaini Hussain, Dato' Ahmad Azam Ab Rahman dalam rancangan Podcast The Merdeka Times. Beliau berkongsi pengalaman luas beliau dalam misi kemanusiaan merentasi negara-negara konflik, serta mengupas dengan mendalam peranan Malaysia dalam diplomasi kemanusiaan global yang dilihatnya bukan sekadar soal bantuan fizikal, tetapi strategi nasional yang memberi impak besar terhadap kestabilan jangka panjang negara.



## DISKUSI BERSAMA YAPEIM

6 MEI 2025 - Satu sesi diskusi strategik telah diadakan antara pimpinan kanan WADAH dan agensi dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) sebagai

usaha memperkuat inisiatif pembangunan sosial dan ekonomi umat Islam di Malaysia. Diskusi diketuai oleh Setiausaha Agung WADAH, En. Azizuddin Ahmad.



# **WAKIL EXCO WADAH PUSAT HADIR KE MESYUARAT COUNTDOWN NAKBAH 2025 ANJURAN MAJLIS PERUNDINGAN PERTUBUHAN ISLAM MALAYSIA (MAPIM)**

**PADA 6 MEI 2025**, wakil Exco Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) Pusat Sdr. Megat Mohd Azlan Md Arshad telah menghadiri Mesyuarat Countdown Nakbah 2025 yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM).

Mesyuarat ini bertujuan menyelaras pelbagai inisiatif dan program kesedaran sempena memperingati 77 tahun peristiwa Nakbah, iaitu bencana besar yang menimpa rakyat Palestin pada tahun 1948. Penyertaan WADAH dalam mesyuarat ini mencerminkan komitmen berterusan organisasi dalam memperjuangkan solidariti kemanusiaan dan isu keadilan sejagat, khususnya yang melibatkan umat Islam di peringkat global.



**7 MEI 2025** - Syarahan Idea Madani oleh ilmuwan tersohor negara Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar, Naib Chancelor UIA telah menghimpunkan para cendekiawan, mahasiswa, dan penggerak masyarakat bagi mendalami makna sebenar falsafah Madani dalam konteks Malaysia moden. Sesi bicara tersebut dipengerusikan oleh Prof Datuk Dr Fauzan.

Turut hadir dalam syarahan tersebut ialah Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam Ab Rahman dan yang menunjukkan sokongan terhadap usaha memperkasa wacana keilmuan dalam masyarakat.

Beliau menegaskan bahawa kita harus meraikan idea Madani. Beliau menyatakan bahawa idea ini adalah idea besar bukan idea yang biasa dibicarakan. Estimologi madani daripada tuntutan Islam dan Nas Al-Quran dan AS Sunnah. Ke dua ; Idea ni kekal dan benar yang bersifat abadi. Idea yang sentiasa berguna dan bermanfaat kepada umat manusia. Ke tiga ; lanya Idea yang indah - bersifat mudah, bersatu dalam kepelbagaiannya (Unity in diversity). Ke empat ; Idea yang universal/ inklusiviti berbeza yang dibina oleh sesuatu bangsa. Idea madani merangkumi seluruh aspek hidup kemasyarakatan dalam sesuatu ketamadunan yang dijelmakan dalam pembinaan negara Madinah.

## **SYARAHAN IDEA MADANI PROF EMERITUS DATUK DR. OSMAN BAKAR**



**JOM DAFTAR  
AHLI WADAH**



**SCAN UNTUK  
SUMBANGAN**



PERSATUAN WARDAH  
PENCERDASAN UMAT M'SIA

# KUNJUNGAN HORMAT KE DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP)

**8 MEI 2025** - Satu pertemuan strategik telah diadakan antara WADAH (Wadah Pencerdasan Umat Malaysia) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bertempat di ibu pejabat DBP, Kuala Lumpur. Pertemuan diketuai oleh Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, Timbalan Presiden, Ustaz Hasri Harun, Setiusaha Agung, En. Azizuddin Ahmad, Pn Nordiran (pengurus SALWA) dan beberapa orang pimpinan kanan yang lain.

Antara agenda utama yang dibincangkan dalam pertemuan tersebut ialah cadangan penerbitan monograf ilmiah yang mengetengahkan wacana-wacana pemikiran Islam kontemporari, sejarah gerakan intelektual, dan isu-isu kemasyarakatan dari perspektif Melayu-Islam. Monograf ini dijangka menjadi sumbangan penting kepada khazanah keilmuan negara dan rujukan generasi akan datang.



## MULTAQA PETUGAS JEMAAH

**10 MEI 2025** – Multaqa Petugas Jemaah telah berlangsung dengan jayanya yang menghimpunkan barisan petugas jemaah daripada pelbagai latar belakang dan agensi dakwah seperti ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia), PKPIM (Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia) dan WADAH (Wadah Pencerdasan Umat Malaysia). Multaqa ini dianjurkan sebagai medan penyatuan, sekaligus menyelaras peranan bersama dalam melaksanakan misi dakwah, pendidikan dan kebijakan yang lebih tersusun serta berimpak tinggi di peringkat akar umbi.

Presiden menerima Jaizah Tahqiq dengan Sdr Halimi, SUK WADAH yang telah memberi khidmat sepenuh masa dengan gerakan Islam. Sementara itu Pn Nordiran telah menerima anugerah Jaizah Tasyhrif, telah berkhidmat selama 20 tahun. Anugerah tersebut di sempurnakan oleh YB Senator Prof Ameritus Dr Redzuan Othman, Pengurus Syura sempena Multaqa WAP.



# SYARAHAN KHAS PRESIDEN WADAH DI THAILAND



**12 MEI 2025** - "Kebebasan rakyat Palestin bukan hanya isu wilayah – ia adalah ujian moral zaman kita," tegas Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), dalam syarahan khas bertajuk "Hak Sah Rakyat Palestin untuk Kembali ke Tanah Air" sempena Wacana Ilmiah 77 Tahun Penderitaan Rakyat Palestine — Dari Nakbah ke Genosid di Gaza di Yayasan Pusat Islam Thailand.

Program Nakbah, memperingatan kekejamana Israel ke atas rakyat Palestine hampir 50 tahun. Penderitaan umat Palestine menjadi ingatan kepada kita bagaimana hilangnya sifat ihsan serta disaluti dengan sifat kejam, tamak, kebencian – menggunakan kuasa bagi menindas umat Palestine. Kita bersama-sama dengan rakyat Palestine berdiri teguh menyokong perjuangan mereka demi mempertahankan tanah dan maruah.

## KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT SHEIKHUL ISLAM THAILAND, DI BANGKOK

DALAM kunjungan hormat tersebut, WADAH menyatakan perlunya isu umat Islam di Selatan Thai di lihat peluang untuk mencari jalan damai yang bagi memberi peluang umat Islam hidup dengan aman dengan menghormati serta memelihara hak mereka sebagai umat Islam. Kedua-dua pihak bersetuju mengadakan program dalam tahun ini bagi membolehkan PM Malaysia sebagai Pengurus ASEAN tahun 2025 melihat perkembangan usahasama ini.



SCAN UNTUK SUMBANGAN  
  
PERSATUAN WARDAH PENCERDASAN UMAT M'SIA

JOM DAFTAR AHLI WADAH  


# **DISKUSI KHAS WADAH DAN NGO ISLAM THAILAND DAN INDONESIA DI BANGKOK**

**PERBINCANGAN** khas dengan NGO Islam di Thailand dan Indonesia, dalam meneruskan usaha dan kerjasama bagi membantu rakyat Palestine. Hasil daripada perbincangan ini mencari jalan segera dengan rangkaian NGO yang ada di seluruh dunia, bagi menghantar bantuan, menyalurkan sumber kewangan serta menganjurkan advokasi yang sesuai mendesak PBB dan negara kuasa besar menghentikan kekejaman yang dilakukan oleh rejim Israel.



## **KUNJUNGAN HORMAT WADAH KE PEJABAT CHULARATCHAMONTRI**

**13 MEI 2025** - Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, yang juga merupakan Pesuruhjaya Tetap Bebas Hak Asasi Manusia Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC-IPHRC), telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Chularatchamontri Thailand, Encik Arun Boonchom, di Pejabat Chularatchamontri, Bangkok. Pertemuan rasmi ini berlangsung dalam suasana mesra dan penuh semangat ukhuwah Islamiyah, menzahirkan iltizam kedua-dua pihak untuk memperkuuh jaringan kerjasama serantau dalam isu-isu kemanusiaan, keadilan sosial, dan pemerkasaan ummah.



**PROGRAM** Festival Islam anjuran Persatuan Wanita Islam Thailang dengan kerjasama dengan Pejabat Sheikhl Islam Thailand berjaya menarik ramai pengunjung. 3 hari program sdiselangi dengan puluhan gerai jualan produk Halal. Malam tersebut Dato Presiden telah diberi peluang berucap kepada pengunjung dan NGO Islam di Thailand. Program tersebut mempertemukan penaja utama Manaz Nana.





## ZIARAH KASIH WADAH

- **SUNGAI BAKAP, 14 MEI 2025** – Seramai 100 pesakit di Hospital Sungai Bakap disantuni dalam satu program kebaikan bertajuk Ziarah Kasih anjuran Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) melalui WADAH Negeri Pulau Pinang dan Nahdah Permatang Pauh dengan kerjasama Yayasan Taqwa.
- Program yang julung kalinya diadakan

di Pulau Pinang ini berlangsung pada sebelah petang dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pihak hospital. Rombongan disambut mesra oleh Encik Ellmi bin Che Omar, Pengurus Lembaga Pelawat Hospital Sungai Bakap, bersama beberapa orang kakitangan hospital yang turut membantu menjayakan perjalanan program dari awal hingga akhir.

## MAJLIS PERTEMUAN DENGAN SHEIKH MAJID AL MAKKI. EVERLY HOTEL

**KEHADIRAN** Sheikh Majd Makki ke Malaysia dalam program pencerdasan ilmu. Semasa pertemuan dgn Sheikh Majd, beliau menyatakan harapan besar negara Syria bebas daripada cengkaman rejim yang lepas.

Keperluan rakyat Syria sekarang perlu dibantu oleh rakyat Malaysia, kerana kerosakan yg telah berlaku disebabkan peperangan adalah besar.

Beliau juga berharap kerajaan pimpinan PMX, dapat mengembeling negara-negara Islam yang lain membantu negara baru Syria.

Wacana Dakwah mendapatkan sambutan baik daripada ramai peserta yang mendapat ilmu melalui pedoman kahfi dalam dakwah.



## PRESIDEN WADAH HADIR KE UNDANGAN PROGRAM DI SMKA PEDAS

- **PEDAS, NEGERI SEMBILAN, 17 MEI 2025** – “Kejayaan sebenar bukan hanya di dewan peperiksaan, tetapi bila anak-anak kita keluar sebagai insan berjiwa ummatik, yang hidupnya membawa manfaat kepada masyarakat dan agamanya.”
- Demikian intipati utama ucapan perasmian

yang disampaikan oleh Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), sempena Mesyuarat Agung PIBG Kali ke-30 di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dato' Haji Abu Hassan Haji Sail (SEMADAH).

# KUNJUNGAN SILATURRAHIM Delegasi dari Pondok Pesantren Buya Hamka INDONESIA KE MALAYSIA

17-21 MEI - Delegasi dari Pondok Pesantren Buya Hamka, Indonesia, telah mengadakan Kunjungan Silaturrahim ke Malaysia. Lawatan ini diketuai oleh Bapak Zainul Ariffin, dengan objektif disusun sebagai platform ukhuwah, ziarah, serta pertukaran ilmu dan pengalaman dalam bidang pendidikan, dakwah dan pengurusan institusi Islam.

Di sekretariat WADAH pusat, Anjung Rahmat, Sungai Merab, delegasi disambut oleh Hj Abdul Khudus bin Mohd Naaim, Pengurus Lembaga Pemegang Amanah YaPEIM serta En. Mohd Halimi bin Abd Hamid, Setiausaha Kewangan WADAH. Perjumpaan ini menjadi ruang erat bagi perkongsian pengalaman dan membina solidariti keilmuan rentas sempadan.



## PRESIDEN MENYAMPAIKAN TAKLIMAT KHAS ISU SEMASA DI WADAH- ABIM-PKPM PERAK

- 18 MEI 2025 - Presiden WADAH Dato' Ahmad Azam Ab Rahman telah hadir dan menyampaikan taklimat khas isu semasa dan juga pada awal perbicaraan mengingatkan akan Surah Yaasin: ayat 55, Presiden menyarankan untuk bersibuk2 di dunia, sebelum berehat2 di akhirat.



## SEMINAR “100 TAHUN MALCOLM X: KEMANUSIAAN TANPA SEMPADAN”

21 MEI - “Kemanusiaan adalah pilihan kita hari ini sama ada berpihak kepada yang tertindas atau membisu dalam ketidakadilan. Seratus tahun Malcolm mengingatkan sejarah akan menghakimi kita bukan atas kuasa, tetapi atas empati.” Demikian seruan penuh makna disampaikan oleh Dato’ Ahmad Azam Ab Rahman, Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) dalam ceramah khas bertajuk “Malcolm X: 100 Tahun Kemanusiaan Tanpa Sempadan” sempena seminar memperingati tokoh pejuang hak asasi dunia itu di Dewan Pro-Canselor, UNISEL Shah Alam.



## PROGRAM NADWAH KEPIMPINAN WANITA BERSAMA PELAJAR **IPT JOHOR ANJURAN WADAH JOHOR**

- 16-18 MEI - Program Nadwah Kepimpinan Wanita Bersama Pelajar IPT Johor anjuran WADAH Johor telah berlangsung dengan jayanya pada 16 hingga 18 Mei lalu, menghimpunkan para pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dari seluruh negeri Johor dalam usaha memperkasa kepimpinan wanita muda. Wakil dari Pusat, Puan Maria Kamel telah mengisi salah satu slot dalam program ini. Program selama tiga hari diisi dengan pelbagai aktiviti seperti ceramah kepimpinan, bengkel interaktif, dan sesi perkongsian bersama tokoh wanita, yang bertujuan membina jati diri, meningkatkan kemahiran insaniah serta memupuk semangat kepimpinan berteraskan nilai dan integriti.



# PIMPINAN WADAH ZIARAH PENGERUSI IKIM



JOM DAFTAR  
AHLI WADAH



SCAN UNTUK  
SUMBANGAN



## YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN MOKHTAR TURUT HADIR KE MAJLIS BACAAN YASIN DAN DISKUSI PUSAT KAJIAN DAKWAH DR RAZALI NAWAWI

**22 MEI 2025** – Pusat Kajian Dakwah Dr. Razali Nawawi (PKDRN) telah menganjurkan satu Majlis Bacaan Yasin dan Diskusi Ilmiah yang berlangsung dengan jayanya dan dihadiri oleh pelbagai lapisan masyarakat serta tokoh penting.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Mokhtar, serta Setiausaha Politik kepada Menteri Agama Dr. Muhammad Razak Idris, yang menunjukkan sokongan terhadap usaha memperkuuh dakwah dan kerohanian dalam masyarakat.

Acara dimulakan dengan bacaan Yasin secara berjemaah, diikuti sesi diskusi yang memberi tumpuan kepada cabaran dan hala tuju dakwah kontemporari. Kehadiran pemimpin utama dalam majlis ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam memperkasa agenda dakwah dan pembangunan spiritual umat Islam.



**21 MEI** - Pimpinan WADAH Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Pengurus Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur bin Manut dalam satu pertemuan yang berlangsung dalam suasana penuh mesra dan harmoni.

# Majlis Rahmah Mesra NGO dan MAIWP

**22 MEI 2025** - Program dengan YBM Agama, memberi amanah kepada rakan strategik NGO bagi membantu pihak MAIWP melaksanakan program dan menyempurnakan bantuan kepada asnaf di seluruh negara.



**MESYUARAT** Agung IITQAN telah diadakan di Bangi, yang telah membincangkan gerak kerja melatihakan kakitangan kerajaan dan swasta dalam memahami dasar MADANI dalam pentadbiran. Berbagai program telah dijalankan sepanjang tahun di agensi agensi. Exco WADAH turut hadir Tn Hj Yusof, Tn Hj Ahmad Sulaiman dan Sdr Megat Azlan.

JOM DAFTAR  
AHLI WADAH



SCAN UNTUK  
SUMBANGAN



PERSATUAN WARDAH  
PENCERDASAN UMAT M'SIA



## BENGKEL KESIHATAN REPRODUKTIF DI SURAU AL-MAKMUR SG MERAB

**SUNGAI MERAB, 25 MEI-** Seramai 30 peserta telah menyertai Bengkel Kesihatan Reproktif yang berlangsung di Surau Al-Makmur, Sungai Merab, dengan tujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu-isu kesihatan reproduktif dan peranan penjagaan diri dari sudut Islam dan perubatan moden.

Bengkel ini menampilkan tiga panelis berpengalaman iaitu Puan Maria Kamel, Dr. Azwan Shamsudin, dan Saudara Farhan Aziz yang berkongsi pelbagai perspektif berkaitan aspek kesihatan fizikal, psikologi dan nilai-nilai moral dalam menghadapi cabaran berkaitan kesihatan reproduktif dalam kalangan masyarakat.



## PROGRAM “BICARA DARI HATI” DI BANDAR TUN RAZAK, CHERAS



**24 MEI-** Program “Bicara Dari Hati”, anjuran bersama Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Yayasan Nur Inspirasi, dan Jiran Wanita KRT Perumahan Awam Seri Kota, telah menghimpunkan lebih 50 orang peserta yang terdiri daripada warga emas, ibu tunggal dan golongan B40. Wakil Exco Wadah Pusat yang hadir Sdr. Megat Mohd Azlan Md Arshad serta mengisi dalam program tersebut. Program ini merupakan manifestasi solidariti masyarakat dan lambang kekuatan insan apabila diuji dengan cabaran hidup.

Tiga figura utama program ini, Khairul Azreen, Dinie Rashid, dan Rashidi Abdullah adalah golongan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan yang kehilangan deria penglihatan mereka pada usia remaja. Namun, daripada memilih simpati sebagai jalan hidup, mereka tampil berkongsi kisah perjuangan dan kebangkitan diri yang disulami nilai kesabaran, kesyukuran, dan reda.



# DISKUSI MEJA BULAT RUU PEMBAHARUAN SEMULA BANDAR

**W**ADAH telah menganjurkan Forum Meja Bulat bertajuk "Rang Undang-Undang Pembaharuan Semula Bandar dan Isu-Isu Sosial Perumahan Rakyat (PPR)" yang menghimpunkan 30 peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi termasuk ahli akademik dan NGO bagi membincangkan cabaran dan penyelesaian berkaitan isu perumahan rakyat. Forum ini bertempat di Bangi Resort Hotel dan berlangsung pada jam 9 pagi sehingga jam 1 tengah hari.

Forum ini bertujuan meneliti secara kritikal kesan Rang Undang-Undang (RUU) yang dicadangkan terhadap komuniti PPR, termasuk aspek pemilikan, hak penyewa, pembangunan semula kawasan setinggan, serta implikasi sosial terhadap penduduk bandar berpendapatan rendah.

Tiga orang pembentang dalam perbincangan ini ialah Datuk Chang Kim Long (National House Buyers Association), Dr Syed Kamaruzaman (UIAM), TPR Herlina Abd Aziz (malaysian Association of Social Impact Assesment) telah mengemukakan pandangan berkaitan dengan Rang Undang Undang tersebut. Walaupun

tujuan RUU dan hasrat murni kerajaan untuk menyahut saranan Perdana Menteri bagi menyelesaikan isu perumahan di bandaraya Kuala Lumpur, namun RUU secara tidak langsung terkait seluruh perancangan bandar di seluruh negara. Ianya juga menyentuh beberapa perkara berkaitan

undang-undang yang sedia ada, dan tidak memberi gambaran bagaimana kementerian menyelesaikan masalah bantahan dan projek yang terbengkalai.

Persidangan setuju ada kekurangan dalam RUU ini dan merasakan lebih memihak kepada kepentingan pemaju. Kita kuathir sekiranya RUU boleh menjaskankan usaha dan niat baik pihak kerajaan membantu rakyat miskin memiliki rumah di sekitar bandar. Kita yakin PM perihatin dengan keperluan rakyat dan tiada patut tercicir atau teranaya dalam plan pembangunan bandar. Dengan itu WADAH akan membawa isu-isu yang berkaitan dan cadangan penambahbaikan RUU yang akan dibentangkan kepada perhatian Pejabat perdana Menteri dan Kementerian yang berkenaan.



# PRESIDEN WADAH DITEMU RAMAH OLEH QATAR TV DALAM PROGRAM ASEAN SUMMIT 2025

**27 MEI** - Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam Ab Rahman telah ditemu ramah oleh stesen penyiaran antarabangsa Qatar TV sempena penganjuran ASEAN Summit 2025. Dalam sesi temu ramah tersebut, beliau telah berkongsi pandangan berkenaan peranan organisasi masyarakat sivil dalam memperkuuh kerjasama serantau, mempromosi nilai-nilai kemanusiaan sejagat serta mempertingkatkan dialog antara budaya dan agama di rantau Asia Tenggara



## DAPUR RIMBA DI KAMPUNG ORANG ASLI SUNGAI GABAI

**28 MEI 2025** – Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) dengan kerjasama rakan-rakan strategik telah menganjurkan Program Dapur Rimba bertempat di Kampung Orang Asli Sungai Gabai, Hulu Langat.

Program ini bertujuan menyantuni komuniti Orang Asli melalui penyediaan makanan, pengagihan sumbangan, serta menjalinkan silaturrahim antara sukarelawan dan penduduk setempat. Inisiatif ini juga memberi ruang untuk memahami keperluan serta cabaran hidup masyarakat pedalaman secara lebih dekat.

Kehadiran sukarelawan pelbagai latar belakang memeriahkan suasana dan menyerlahkan semangat kepedulian sosial yang tinggi dalam kalangan masyarakat.



SCAN UNTUK SUMBANGAN



## SEMINAR NAHDHAH UMMAH

**29 MEI 2025** – Seminar Nahdah Ummah telah berlangsung di Masjid Muhammad Al-Fateh, Taman Jati, Ipoh, dengan pengisian utama disampaikan oleh Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), YBhg. Dato' Ahmad Azam Ab Rahman.

Dalam amanatnya, beliau menekankan keperluan

untuk membina kekuatan ummah melalui pemerkasaan ilmu, kesatuan fikrah, dan penglibatan aktif dalam masyarakat. Seminar ini menghimpunkan para peserta yang komited dalam memperkuuh peranan umat Islam dalam membina tamadun yang sejahtera dan berdaya saing.



# PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG MENGISI DALAM CERAMAH PERDANA **HIDUP DALAM BUDAYA DAMAI**

**30 MEI 2025** – Penolong Setiausaha Agung Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) En. Khairul Arifin Mohd Munir telah menyampaikan Ceramah Perdana bertajuk "Hidup dalam Budaya Damai" bertempat di Masjid Raudhatul Jannah, Bukit Katil, Melaka.

Ceramah ini bertujuan mengupas kepentingan membina masyarakat yang harmoni berasaskan nilai-nilai Islam seperti kasih sayang, tolak ansur, dan keadilan. Kehadiran para jemaah yang ramai menunjukkan sambutan positif terhadap usaha memperkuuh budaya damai dalam kalangan umat Islam.

Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif dakwah berterusan WADAH dalam memupuk kesedaran sosial dan spiritual masyarakat.



## Mesyuarat JK Projek Penulisan Bahan Utama Manhaj Gerakan

**MESYUARAT** yang dipengerusikan oleh Dr Abdul Halim Muhammady dan setiausaha , Ustaz Hasri Harun. Gerak kerja akan dimulakan dengan mengenalpasti tokoh-tokoh fasa pertama dan mencari setiap bahan yang berkaitan dengan nya.



## Anugerah Inspirasi Ibu 2025 Puan Hajah Mahanom Haji Basri

**PADA 31 MEI 2025**, sempena sambutan Hari Ibu , Puan Hajah Mahanom Haji Basri telah dinobatkan sebagai penerima tunggal Anugerah Inspirasi Ibu, anjuran LPPKN bersama Kerajaan Negeri Selangor di bawah EXCO Wanita dan Kebajikan.

Pengiktirafan ini diberikan atas sumbangan luar biasa beliau dalam memperkasa pendidikan awal kanak-kanak selama lebih 40 tahun, membimbing ribuan pendidik dan memberi inspirasi kepada jutaan ibu bapa dan anak2 di seluruh negara. Pendekatan beliau yang berteraskan nilai, kasih sayang dan pendidikan holistik telah membawa perubahan besar dalam landskap pendidikan awal negara.

Puan Hajah Mahanom adalah simbol ketabahan, kepimpinan dan kasih ibu yang memberi makna kepada generasi masa depan.



# KONFLIK INDIA-PAKISTAN: SERUAN KEAMANAN

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) menyambut baik pengumuman gencatan senjata antara India dan Pakistan selepas berlakunya peningkatan ketegangan ketenteraan yang membimbangkan termasuk serangan peluru berpandu dan dron di sepanjang Garisan Kawalan (LoC). Kedua negara harus komited untuk menjayakannya atas dasar kemanusiaan sejagat. Gencatan senjata yang dimeterai melalui usaha pendamaian antarabangsa ini merupakan peluang penting untuk menghentikan keganasan dan membuka ruang kepada dialog damai.


Sebagai sebuah pertubuhan masyarakat civil yang menjunjung prinsip keamanan, keadilan dan solidariti sejagat, WADAH menyatakan pendirian seperti berikut

**1.** Solidariti Bersama Mangsa Tidak Berdosa. WADAH merakamkan takziah kepada semua mangsa yang terkorban akibat keganasan di kedua-dua belah sempadan, terutamanya rakyat awam di wilayah Jammu dan Kashmir yang terus terperangkap dalam kitaran konflik. Kehilangan nyawa yang tidak berdosa – sama ada dari India, Pakistan maupun Kashmir – tidak boleh diterima dan tidak harus dijadikan kebiasaan.

**2.** Sokongan terhadap Dialog dan Usaha Mengawal Ketegangan. WADAH menggesa kedua-dua kerajaan India dan Pakistan agar memelihara gencatan senjata dengan penuh tanggungjawab dan membuka ruang kepada dialog damai yang inklusif, melibatkan suara rakyat Kashmir sebagai pihak berkepentingan utama. Penyelesaian politik melalui rundingan adalah jalan keluar yang paling berdaya tahan.

## INDIA-PAKISTAN, KESEDARAN UMMATIK

**3.** Menjunjung Hak Asasi di Kashmir. WADAH amat prihatin terhadap pelanggaran hak asasi manusia yang berterusan di Kashmir yang ditadbir India. Kami menyeru masyarakat antarabangsa, termasuk OIC dan



## GENCATAN SENJATA KONFLIK INDIA-PAKISTAN: SERUAN KEPADA KEADILAN, DIALOG DAN KEAMANAN SERANTAU

**wadah.malaysia** **@wadahpencerdasan** **www.wadah.my** **03-8920 2142**

ASEAN, agar lebih lantang mendesak proses penyahmiliternan, pemulihan kebebasan awam dan pengiktirafan terhadap hak menentukan nasib sendiri oleh rakyat Kashmir.

**4.** Peranan Malaysia sebagai Pendaulat Keamanan Serantau. WADAH menyokong sebarang inisiatif diplomasi oleh Kerajaan Malaysia dan negara ASEAN lain dalam usaha mendamaikan hubungan India-Pakistan. Sebagai negara yang berpengalaman dalam mediasi konflik dan keharmonian pelbagai kaum semenjak 1967, Malaysia berjaya menangani konflik kaum dengan baik. Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Anwar Ibrahim, sebagai pengurus ASEAN, juga mewakili ASEAN perlu memberi ruang memainkan peranan inisiatif diplomasi usaha damai dalam mendukung prinsip kemanusiaan, harga diri dan kestabilan rantau.

**5.** Seruan kepada Kesedaran Ummatik. Keganasan yang berulang di Asia Selatan menzhahirkan keperluan

mendesak untuk kesatuan fikrah dan solidariti ummatik dalam kalangan NGO Islam, cendekiawan dan jaringan masyarakat sivil.

Melangkaui sempadan geografi, misi kita bersama adalah untuk menegakkan keadilan dan keamanan sejagat, sebagaimana firman Allah SWT:

“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat ihsan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada perbuatan keji, mungkar dan kezaliman...” (Surah An-Nahl: 90)

WADAH akan terus komited dalam mempromosikan budaya damai (Fiqh Ta’ayush), menolak sebarang bentuk ekstremisme dan pencerobohan, serta memperjuangkan hak dan maruah umat tertindas di seluruh dunia – termasuk di Kashmir dan Palestin.

**Azizuddin Ahmad  
Setiausaha Agung  
Wadah Pencerdasan Umat  
Malaysia (WADAH)**

# BANTAHAN KERAS TERHADAP AGENDA LGBTQ

**H**impunan Gerakan Islam Malaysia (HIKAM) menyatakan kekesalan dan bantahan keras terhadap penganjuran program yang bertemakan "Pride Care: Queer Stories & Sexual Health Awareness" oleh Rainbow Troupe sempena 'Pride Month' pada Jun 2025.

HIKAM ingin menegaskan bahawa tindakan menyokong dan mempromosikan gaya hidup LGBTQ adalah bercanggah dengan ajaran agama Islam, syariat serta nilai-nilai murni dan fitrah insani yang dipegang teguh oleh majoriti rakyat Malaysia.

Hujah-hujah penolakan kami berdasarkan prinsip Islam dan nilai masyarakat:

## 1. Bertentangan dengan nas syarak yang jelas

Al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW dengan tegas melarang perbuatan homoseksual dan sebarang bentuk penyerupaan jantina yang berlawanan dengan fitrah penciptaan. Kisah kaum Nabi Lut a.s. dalam al-Quran menjadi peringatan jelas tentang kemurkaan Allah SWT terhadap perlakuan keji ini. Larangan ini adalah ketetapan Ilahi yang tidak boleh diubah atau ditawarkan.

## 2. Mencabar kesucian institusi kekeluargaan

Konsep perkahwinan dalam Islam adalah di antara lelaki dan wanita,

bertujuan untuk membina keluarga, melahirkan zuriat dan mengekalkan kelangsungan generasi manusia. Promosi gaya hidup LGBTQ secara langsung mengancam integriti institusi kekeluargaan yang merupakan tunjang utama masyarakat dan negara.

## 3. Melanggar fitrah penciptaan manusia

Allah SWT menciptakan manusia dalam keadaan fitrah yang sempurna, lelaki dan wanita. Mengubah atau memilih identiti jantina yang berlawanan dengan jantina kelahiran serta amalan hubungan sesama jenis, adalah suatu penyimpangan daripada fitrah yang diredai Allah.

## 4. Menimbulkan kekeliruan moral dan sosial

Penganjuran program-program yang mempunyai agenda LGBTQ seperti ini boleh menimbulkan kekeliruan moral dalam kalangan masyarakat, terutamanya golongan muda dan kanak-kanak. Ia berpotensi menormalisasikan sesuatu yang jelas diharamkan dalam Islam dan boleh merosakkan struktur sosial yang sihat dan berlandaskan agama.

## AGENDA SONGSANG LGBTQ BERTOPENGAN KEBEBASAN HAK

## 5. Bercanggah dengan undang-undang sedia ada

Di Malaysia, perbuatan homoseksual adalah dilarang dibawah undang-undang syariah negeri-negeri dan sebahagian undang-undang sivil. Sebarang promosi atau sokongan terhadap aktiviti yang melanggar undang-undang ini adalah tidak wajar dan boleh mengundang ketidaktereman awam. Sebarang promosi atau sokongan terhadap aktiviti yang melanggar undang-undang di bawah Seksyen 377 Kanun Keseksuaan adalah tidak wajar dan boleh mengundang ketidaktereman awam.

Kami memahami bahawa setiap individu mempunyai hak untuk berpersatu dan bersuara. Namun, hak ini tidak boleh digunakan untuk mempromosikan agenda yang jelas bertentangan dengan ajaran agama, moral dan undang-undang negara. Islam mengajar kita untuk menolak kemungkar dan memelihara kebaikan.

## JUSTERU, HIKAM MENGGESA:

1. Pihak berkuasa mengambil tindakan tegas dan sewajarnya bagi menghalang sebarang aktiviti atau program yang mempromosikan agenda LGBTQ secara terang-terangan di khalayak ramai, demi menjaga kemaslahatan umat Islam dan keharmonian masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

2. Parti Sosialis Malaysia (PSM) dan Rainbow Troupe mengkaji semula pendirian dan tindakan mereka serta menghormati sensitiviti agama dan budaya masyarakat Malaysia. Sebarang usaha untuk "menyediakan ruang selamat dan inklusif" tidak boleh melanggar batas-batas agama dan moral yang telah ditetapkan.

3. Ibu bapa dan masyarakat umum sentiasa berwaspada dan membimbing ahli keluarga, terutamanya anak-anak muda, daripada terpengaruh dengan ideologi yang merosakkan fitrah dan nilai-nilai agama.

HIKAM akan terus memantau perkembangan isu ini dan bersedia untuk mengambil tindakan yang perlu bagi mempertahankan kesucian agama Islam dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia daripada sebarang ancaman.

Sekian, terima kasih.



**HIKAM TOLAK SEBARANG AGENDA  
LGBTQ YANG MENCABAR NILAI  
AGAMA DAN FITRAH INSANI**

# Santun Perlis



سَلْوَه  
SALWA

BERITA  
SALWA

**KANGAR PERLIS, 16 & 17 MEI 2025** - Program SANTUN Perlis yang berlangsung pada 16 & 17 Mei 2025 telah menjadi medan ukhuwah antara SALWA Pusat dan SALWA Perlis dalam suasana santai namun bermakna. Dengan misi 'Harumanis' sebagai

tema, rombongan memanfaatkan peluang menjelajah sekitar Perlis sambil menjalankan silaturrahim bersama ahli-ahli SALWA Perlis dan masyarakat sekitar.

Slot bersama SALWA Perlis berkongsi dapatan-dapatan baharu

antara Pusat dan negeri yang boleh memantapkan perancangan dan gerak kerja dakwah di Perlis. Sebelum pulang, rombongan Pusat dijamu dengan jamuan tengah hari yang enak, menjadi kenangan manis yang tidak dapat dilupakan.



# HI TEA WANITA MADANI: INSPIRASI & APRESIASI

## PESONA INSPIRASI KELUARGA MADANI



**20 MEI** – Program Hi-Tea Wanita Madani: Inspirasi & Apresiasi anjuran SALWA Malaysia dan HELWA ABIM telah menghimpunkan 200 wanita pelbagai latar dalam suasana santai tetapi berisi. Forum Inspirasi Keluarga Madani bersama dua tokoh hebat – Prof. Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail dan Prof. Dato' Sri Datin Paduka Dr. Zaleha Kamaruddin – menyentuh peranan wanita dalam membina keluarga sejahtera serta mendidik generasi dengan nilai dan hikmah di era digital.

Kehadiran YB Fadhlina Sidek memeriahkan lagi program dengan penekankan kepada kepentingan pendidikan menyeluruh dan pembentukan jati diri anak-anak. Program ini bukan sekadar hi-tea, tetapi satu usaha memperkuuh institusi keluarga melalui kebijaksanaan, kasih sayang dan peranan aktif wanita dalam masyarakat.



# GAMBAR PROGRAM BULANAN WADAH



**BICARA AD-DIN**  
Ustaz Ismail Che Ku Kupasan Kitab Siri 266

Hikmah 168:  
“Apa yang Berlaku Atas Kehendak Allah”

Kitab Hikam Ibn A’taillah As Sakandari  
Jam 4:00 Petang

9 Januari 2025 | Khamis

**LIVE** **YouTube Live** Siaran langsung di WAPTv Malaysia

**BICARA AD-DIN**  
HARI KHAMIS SETIAP MINGGU



Afala يَتَابُّرُونَ الْقُرْآنَ

**Kelas Afala Yatabarrunal Qur'an**  
SIRI 16

Ustaz Mohd Naim Mohd Noor

9 JANUARI 2025 (KHAMIS)  
9.30 – 11.00 PAGI  
DEWAN KULIAH ANJUNG RAHMAT, SG. MERAB, BANGI



**Usrah Anjung Rahmat**  
2 Januari 2025  
Hari Khamis  
Jam 9:00 Malam

Meeting ID: 850 9952 2438  
Passcode: 016031

Pakej 'A':  
Tafsir & Tarbiyah ruhiyyah

Untuk info lanjut, hubungi 013-716 7036/ 018-231 0643

**USRAH ANJUNG RAHMAT**  
HARI KHAMIS SETIAP MINGGU



**KELAS AFALA YATABARRUNAL QURAN BICARA AD-DIN**  
HARI KHAMIS SETIAP MINGGU  
MINGGU 1 & MINGGU 3 SETIAP BULAN

**USRAH STAF SEKRETARIAT WADAH PUSAT**  
HARI JUMAAT SETIAP MINGGU



**Usrah Ilmuwan - Siri 199**

**SAINS UKHUWAH : DI MANA TAHAP ANDA?**  
“Science of Brotherhood: What is Your Status?”

13 Januari 2025 (ISNIN) | 09:00 – 10:00 MALAM  
#IlmuwanTerakhyeraUmmah

Pembicara:  
**Dato' Prof. Dr. Kamarulazizi I**  
Pengerusi,  
Kluster Sains dan Pembangunan Masyarakat  
Nadwah Ilmuwan ABIM.

Haydar Zabri  
ABIM,  
UNISEL Shah Alam.

**USRAH ILMUWAN**  
HARI ISNIN SETIAP MINGGU



مسرة مای

**USRAH MAYA**  
WADAH PUSAT

**USRAH WADAH PUSAT**  
HARI SELASA SETIAP MINGGU